



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Aras 3, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah, 05200, Alor Setar, Kedah | Tel: 1800-88-1740 | Faks: 04-731 6280

[Portal Rasmi : www.zakatkedah.com.my](http://www.zakatkedah.com.my) | [e-mel : aduan@zakatkedah.com](mailto:aduan@zakatkedah.com)

SYARAT-SYARAT DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE MESIR

Syarat-syarat penerima (pelajar)

- ❖ Islam
- ❖ Menetap di Negeri Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun
- ❖ Pemohon tidak mendapat sebarang bentuk tajaan kewangan / biasiswa / pinjaman
- ❖ Sedang mengikuti pengajian di peringkat **IJAZAH PERTAMA SAHAJA**. Bantuan tidak akan dipertimbangkan kepada pemohon yang mengulang pengajian.
- ❖ Bukan ahli bersekutu.
- ❖ Butiran peribadi yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen seperti berikut :
 - a) **Salinan kad pengenalan pemohon (pelajar)**
 - b) **Salinan kad pengenalan bapa**
 - c) **Salinan kad pengenalan ibu**
 - d) **Surat pengakuan dari universiti Sesi 2017 / 2018 (Tasdiq)**
 - e) **Keputusan peperiksaan yang terkini (Sesi 2016 / 2017)**
- ❖ Semua dokumen di atas **WAJIB DISERTAKAN**
- ❖ Butiran diri dan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke Majlis Persatuan Pelajar untuk pengesahan.
- ❖ Mendapat sokongan Pegawai Hal Ehwal Pelajar Kedah Timur Tengah. (PHEPKTT)
- ❖ Pengesahan daripada Majlis Persatuan Pelajar dan sokongan PHEPKTT adalah **WAJIB**.
- ❖ **Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan permohonan.**
- ❖ Dermasiswa Pengajian Ke Mesir akan dibuka mulai **13 NOVEMBER 2017 Hingga 11 JANUARI 2018**.

PANDUAN MENGISI BORANG DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE MESIR

Panduan Mengisi Borang

1. Pemohon perlu ke laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Kedah di www.zakatkedah.com.my kemudian klik pada menu Agihan, klik pada menu Borang dan kemudian klik pada Dermasiswa Melanjutkan Pengajian ke Mesir / Indonesia / Jordan untuk mengisi borang permohonan secara atas talian.
2. Klik pada **PERMOHONAN BARU**
3. Pilih **JENIS BANTUAN** iaitu Dermasiswa Melanjutkan Pelajaran Ke MESIR
4. Baca syarat-syarat permohonan dengan teliti. Pemohon **WAJIB** menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Isi dengan lengkap BUTIRAN DIRI merangkumi
 - Maklumat Pelajar
 - Maklumat Bapa dan Ibu
 - Maklumat Tanggungan Bapa dan Ibu
 - Maklumat Pengajian Pemohon
 - Maklumat Tambahan
6. Isi **KATA LALUAN**. (Kata laluan dan pengesahan kata laluan mestilah sama dan pemohon diingatkan tidak lupa kata laluan yang dimasukkan)
7. Klik **SEMAK**. (Untuk menyemak borang yang telah diisi)
8. Jika ada pembetulan pada butiran peribadi, klik **KEMASKINI**. Jika tidak ada, klik pada **SAH DAN HANTAR**. (Pemohon diingatkan supaya menyemak dengan teliti maklumat butiran diri sebelum menekan butang Sah dan Hantar)
9. Kemudian setelah selesai klik pada **CETAK BORANG**.
10. Dermasiswa Pengajian Ke Mesir akan dibuka mulai **13 NOVEMBER 2017 Hingga 11 JANUARI 2018**.
11. Borang dan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke Majlis Persatuan Pelajar untuk pengesahan dan sokongan pegawai PHEPKTT.
12. Majlis Persatuan Pelajar akan mengumpul dan menyemak semua borang permohonan sebelum dihantar ke Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

**CARTA ALIR PERMOHONAN DERMASISWA MELANJUTKAN
PENGAJIAN KE MESIR**

